

**TAWARAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) SEPARA BIASISWA (SB)
UNTUK MENGIKUTIPENGAJIAN PERINGKAT SARJANA DAN PH.D SECARA
SEPARUH MASA BAGI PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI TAHUN 2020**

Kementerian Pengajian Tinggi menawarkan penajaan skim Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Separata Biasiswa (SB) kepada Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam skim perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) di Politeknik, Kolej Komuniti dan Kementerian Pengajian Tinggi yang sedang mengikuti pengajian secara **SEPARUH MASA** di peringkat **Sarjana dan Ph.D di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Dalam Negara**.

Bidang-bidang yang ditawarkan adalah berdasarkan unjuran keperluan yang dikeluarkan oleh Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti seperti berikut:

- a. [Peringkat Sarjana \(Lampiran A1\)](#)
- b. [Peringkat Ph.D \(Lampiran A2\)](#)

Calon-calon yang berminat hendaklah memohon secara atas talian sepenuhnya di pautan berikut : <https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index.php> atau melalui portal rasmi Kementerian Pengajian Tinggi (rujuk **Pautan Pantas > Permohonan / Semakan Dibuka**). Permohonan akan dibuka mulai **21 Ogos 2020 jam 5.00 petang hingga 11 September 2020 jam 5.00 petang**. Permohonan yang tidak menepati syarat yang ditetapkan, mengandungi maklumat yang tidak benar, tidak lengkap, dokumen sokongan yang tidak disahkan atau borang permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

SYARAT-SYARAT & KELAYAKAN

A. SYARAT UMUM

Pegawai-pegawai yang diperakukan untuk mengikuti kursus ijazah lanjutan hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Mereka juga hendaklah mempunyai kelayakan ijazah pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

B. SYARAT KHUSUS

- i. Pada **31 Disember 2020**, pegawai mestilah berumur tidak lebih daripada **45 tahun** bagi pengajian **peringkat kedoktoran (Ph.D)** dan **50 tahun** bagi pengajian **peringkat Sarjana**;
- ii. Telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan;
- iii. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun dalam skim perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) (**gred 41 dan ke atas** dan lantikan selewat-lewatnya 1 Jun 2020) pada tarikh tutup permohonan;
- iv. Mencapai **markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85% ke atas** bagi tempoh **tiga (3) tahun skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (2017, 2018 & 2019)**. **Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan**;
- v. Memiliki Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan bagi pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Sarjana yang baik bagi pengajian peringkat PhD (pencapaian CGPA minimum 2.5);
- vi. Belum memiliki kelayakan Ijazah Lanjutan di peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan;
- vi. **Telah menerima tawaran dan memulakan pengajian** di peringkat Sarjana atau Ph.D pada Tahun 2020 secara separuh masa di mana-mana IPTA tempatan, Universiti Multimedia, Universiti Teknologi Petronas atau Universiti Tenaga Nasional

atau

Sedang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana atau Ph.D pada Tahun 2020 secara separuh masa di mana-mana IPTA tempatan, Universiti Multimedia, Universiti Teknologi Petronas atau Universiti Tenaga Nasional **dengan syarat masih mempunyai baki pengajian sekurang-kurangnya tiga (3) semester pada September 2020**;

- vi. Kursus yang diikuti adalah berkaitan dengan tugas pegawai dan diperlukan demi kepentingan perkhidmatan;
- ix. Tidak menerima sebarang bentuk penajaan daripada mana-mana badan penaja lain;
- x. Telah mengisytiharkan harta (termasuk pengisytiharan harta tambahan) dalam

- tempoh lima (5) tahun kebelakangan;
- xi. Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman PTPTN atau Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP);
 - xi. Bersih daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah; dan
 - xi. Menyediakan kertas cadangan pengajian (*proposal*) dan hendaklah dimuatnaik ke dalam sistem permohonan. **Kulit depan** kertas cadangan hendaklah mematuhi format seperti yang telah disediakan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat- syarat yang ditetapkan.

PEMILIHAN

- i. Hanya permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat-syarat ditetapkan sahaja akan disenarai pendek untuk pertimbangan.
- ii. Pemilihan muktamad akan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penajaan, Kementerian Pengajian Tinggi.

PERMOHONAN

Calon-calon yang berminat hendaklah memohon secara atas talian sepenuhnya di talian sepenuhnya di pautan berikut : <https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index.php> atau melalui portal rasmi Kementerian Pengajian Tinggi (rujuk **Pautan Pantas > Permohonan / Semakan Dibuka**). Permohonan adalah dianggap lengkap dan telah dihantar apabila pemohon menekan butang 'Sah & Hantar' pada paparan yang disediakan. Permohonan akan mula dibuka pada **21 Ogos 2020 jam 5.00 petang hingga 11 September 2020 jam 5.00 petang. Permohonan yang diterima selepas jam 5.00 petang tidak akan diproses. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan**

Senarai salinan dokumen sokongan yang diperlukan ialah seperti berikut :

BIL	DOKUMEN	FORMAT	SAIZ MAKSIMA
1.	Gambar berukuran pasport	JPEG	280kb
2.	Rancangan Penyelidikan (proposal) yang disahkan *Ketua Jabatan / Penyelia (Lampiran A)	PDF	1.0mb
3.	Transkrip Ijazah Pertama / Sarjana ATAU kedua-duanya (disahkan)	PDF	300kb
4.	Lampiran Senarai Tugas Terkini (disahkan)	PDF	320kb
5.	Borang Perakuan Ketua Jabatan	PDF	400kb
6.	Surat Tawaran Universiti	PDF	300kb

***Nota : Ketua Jabatan adalah Ketua Pengarah JPPKK/Pengarah Politeknik/Kolej Komuniti sahaja**

Sila rujuk pada pautan [Borang](#) sebagai panduan :

- [Panduan mengimbas dokumen sokongan](#)
- [Panduan menukar format dokumen ke format PDF](#)

PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Unit Biasiswa
Bahagian Biasiswa
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 2, No. 2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA

(u.p. : Cik Jihan Ajla binti Mohd Nordin / Puan Sri Rahayu binti Sugiono /
Cik Aimuni binti Che Mansor / Cik Nor Azlinda binti Azahar / Encik Wan Saleadzan
Adlizan bin Wan Sharbani)

No. Telefon : 03-8888 1616 / 03-8870 6341 / 03-8870 6442 / 03-8870 6338
03-8870 6338 / 03-8870 6000 samb. 4950

Faks : 03-8870 6839

E-mel : hlp@moe.gov.my

Untuk masalah **teknikal permohonan**, sila hubungi :

No. Telefon : 03-8870 6317 / 03-8870 6319